

Menangani krisis beras

UM
15/4/08
M/S 11

Oleh M. JASNI MAJED

KETIKA krisis makanan melanda negara-negara tertentu, barangkali para petani beras lega kerana makanan utama penduduk dunia iaitu beras kini menjadi perhatian dan tumpuan perbincangan.

Krisis makanan utama kebanyakan penduduk dunia ini berpunca daripada permintaan yang tinggi sedangkan penawarannya kepada penduduk dunia tidak dapat memenuhi kehendak tersebut.

Tempias krisis bekalan beras tentunya akan dihadapi oleh kebanyakan negara yang mengimport beras untuk mengisi perut penduduknya termasuklah negara kita.

Kita memang tidak cukup beras. Beras yang dihasilkan oleh petani di negara kita cuma dapat menampung hingga 70 peratus keperluan penduduk negara sahaja, dan selebihnya kita import.

Dalam suasana krisis seperti sekarang, Thailand dan Vietnam yang diketahui sebagai pengeksport beras terbesar dunia sudah berusaha untuk meningkatkan produktiviti bahan tersebut kerana mereka mengetahui bekalan beras dunia tidak cukup.

Beberapa minggu lepas, bekalan beras di negara kita dikatakan bermasalah sehingga ada yang bimbang beras disorok oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kementerian terbabit menenangkan orang ramai supaya tidak panik sehingga bertindak membeli barang keperluan tersebut melebihi keperluan.

Jaminan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) memberi jaminan bahawa bekalan beras negara mencukupi dan pengguna tidak perlu berasa cemas.

Apa-apa pun, masalahnya ialah pengguna terpaksa berdepan dengan kenaikan harga beras. Menurut sesetengah peniaga, harga beras memang naik. Mereka dibekalkan dengan beras yang sudah naik harganya dan peniaga tidak boleh bertahan dengan harga lama.

Jadi, apakah langkah kita untuk memastikan bekalan beras mencukupi dan harganya tidak naik mendadak sehingga membebankan penduduk negara kita yang kian meningkat ini?

Apakah dengan menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai Jelapang Padi kedua dan ketiga negara sudah mencukupi untuk menampung keperluan penduduk kita?

Siapakah yang akan mengusahakannya? Adakah tenaga muda, tenaga tua atau tenaga yang kita import dari luar? Mahukah tenaga muda bergelumang dengan sawah yang banyak risiko, kerja susah tetapi imbalannya tidak seberapa?

Kajian harga padi dibuat pada tahun lepas dan dinaikkan daripada RM0.55 sen sekilogram kepada RM0.65 sekilogram selepas sepuluh tahun harga padi bertahan di tahap lama.

Bagi pesawah padi pula, kos racun, baja dan sebagainya semakin meningkat memandangkan pelbagai jenis penyakit padi berjenama moden dan tidak disangka-sangka menyerang tanaman mereka. Malah, jika banjir melanda dan merosakkan tanaman padi, hasilnya tidak diperolehi langsung. Jika kemarau, nasib yang serupa menimpa petani.

Nasib para petani sebenarnya perlu dibela supaya mereka mendapat bahagian mereka yang sebenar. Jika kerjaya mereka sebagai petani dijaga dengan rapi, mereka akan berminat dengan bidang ini dan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan produktiviti.

Tidak kira sama ada hasil petani meningkat kesan pelbagai kajian dan kaedah moden, sebenarnya para petani terlebih dahulu mengeluarkan belanja yang tinggi, dan apabila dicampur ditolak, pendapatan mereka tidak ubah seperti apa yang mereka peroleh sepuluh tahun lalu.